

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK MOHD IDRIS BIN  
JUSI**

**TARIKH : 11.03.2015 (RABU)**

**NO. SOALAN : 67**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan :-

Jumlah orang asli di Negeri Johor dan kadar kemiskinan dan pengangguran di kalangan mereka. Apakah langkah-langkah yang telah dijalankan bagi memperbaiki kedudukan sosioekonomi mereka.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah Orang Asli di Negeri Johor adalah seramai 13,139 orang. Kadar kemiskinan Orang Asli di Negeri Johor adalah sebanyak 22.18 peratus manakala kadar pengangguran Orang Asli di negeri Johor adalah sebanyak 7.93 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia termasuk di negeri Johor. Antara program yang dilaksanakan adalah Program Pembangunan Ekonomi seperti projek ternakan ikan dalam sangkar dan ternakan kupang. Selain daripada itu bantuan berupa pemberian bot kecil, enjin sangkut dan peralatan menangkap ikan juga disalurkan kepada nelayan-nelayan Orang Asli di daerah Pontian, Batu Pahat, Mersing, Kluang dan Johor Bahru.

Selain daripada itu, usahawan-usahawan Orang Asli turut diperkasakan menerusi pelbagai bantuan dan kemudahan seperti pembinaan premis perniagaan dan bantuan kelengkapan dan peralatan perniagaan. Mereka juga turut diberi pendedahan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan menerusi pelbagai bengkel dan kursus jangka pendek. Usahawan-usahawan yang berjaya turut diberi peluang menyertai karnival-karnival jualan yang dapat mengetengahkan produk-produk Orang Asli. Antara program-program yang disertai dan telah dianjurkan ialah Karnival Orang Asli dan Karnival Usahawan Desa.

Manakala menerusi program pembangunan infrastruktur pula, pelbagai projek pembangunan telah dilaksanakan seperti Program Bantuan Rumah (PBR), pembinaan jalan perhubungan serta pembinaan kemudahan ameniti sosial. Sepanjang tempoh RMKe10 sehingga tahun 2014 sejumlah RM8.8 juta telah dibelanjakan bagi membina dan membaikpulih 569 unit rumah di Negeri Johor